



Dekan Unit Penyelidikan dan Pembangunan

Assalamualaikum w.b.t dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid di atas kesudian Dr. meluangkan masa bersama MyUniMAP. MyUniMAP mempunyai beberapa soalan akan dikemukakan



kepada Dr. bagi menyelami isi hati dan sasaran Dr. sebagai Dekan di Unit Penyelidikan dan Pembangunan.

Semua orang sedia maklum bahawa Prof. Madya Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid merupakan Dekan bagi Unit Penyelidikan dan Pembangunan. Bolehkah Dr. ceritakan mengenai sejarah penubuhan Unit Penyelidikan dan Pembangunan dan perkembangannya sehingga kini?

Pada mulanya unit ini di tubuhkan bersama - sama Unit Pengajian Ijazah Tinggi dan dikenali sebagai Program Ijazah Tinggi dan Penyelidikan pada tahun 2003, dan mula beroperasi di Bangunan KIK, Jalan Bukit Lagi. Unit Penyelidikan dan Pembangunan berperanan memberi khidmat menguruskan geran sahaja pada ketika itu. Mulai April 2004, Unit Penyelidikan & Pembangunan dikenali sebagai salah satu unit di bawah Jabatan Canselori. Unit Penyelidikan dan Pembangunan secara dasarnya ingin membawa penyelidikan terutamanya dari segala cabang yang terdapat di UniMAP ke satu arah dan matlamat lebih tinggi. Melalui usaha - usaha penyelidikan yang sedang giat dijalankan, unit ini percaya bahawa misi serta visi kami akan dapat dicapai bagi menyokong usaha untuk memartabatkan penyelidikan UniMAP di mata IPTA - IPTA lain di Malaysia dan membuktikan bahawa UniMAP mempunyai potensi utuh di dalam bidang penyelidikan. Dengan misi untuk 'Memastikan Penyelidikan Di UniMAP Dijalankan Secara Optimum Dengan Menyemai

Budaya Penyelidikan Dan Pengurusan Cepak, Selari Dengan Dasar Negara', Unit Penyelidikan dan Pembangunan kini boleh berbangga dengan hasil telah diusahakan merangkumi lebih 506 geran bernilai 27.4 juta diperolehi sehingga Mac 2010. Antara geran - geran di uruskan oleh unit ini adalah Geran Jangka Pendek (STG UniMAP), Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Geran Science Fund (MOSTI) dan geran - geran luar (FELDA dan lain - lain). Dari segi pameran penyelidikan, UniMAP hanya mula bertanding pada tahun 2005 di dalam

Pameran R&D IPTA dan juga ITEX. Sehingga kini kita telah memperolehi 49 pingat emas, 107 pingat perak dan 115 pingat gangsa merangkumi pameran di peringkat kebangsaan mahupun di persada antarabangsa. Unit Penyelidikan dan Pembangunan juga menguruskan 7 bidang kluster menjurus kepada bidang penyelidikan di UniMAP iaitu Kluster Autonomous System and Machine Vision, Kluster Power Electronics and Electric Machine Design, Kluster Acoustic Applications, Kluster Sensor Technology and Applications, Kluster Sustainable Engineering, Kluster Embedded Computing dan satu kluster baru menjurus kepada bidang sains sosial iaitu Kluster Human Technology Interface & Business Incubator.

Apakah kemudahan - kemudahan disediakan oleh Unit Penyelidikan dan Pembangunan untuk para pelajar dan kakitangan UniMAP?


Bagi menjadi salah sebuah unit yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik, antara kemudahan diberikan oleh unit ini adalah seperti:

- o Menjadi pusat khidmat penyelidikan.
- o Memberi khidmat nasihat penyelidikan. Antara khidmat ditawarkan ialah panduan jenis geran penyelidikan, permohonan geran penyelidikan, panduan mengisi borang dan lain-lain.

- o Mengurus permohonan dan kelulusan geran penyelidikan seperti Geran Penyelidikan Jangka Pendek STG, FRGS, IRPA, ScienceFund, Felda dan lain-lain.
- o Mengurus aliran kewangan geran melalui pengeluaran pesanan belian (PO) untuk tujuan penyelidikan.
- o Mengurus dan memproses permohonan serta pelantikan bagi Pegawai Penyelidik (RO), Pembantu Penyelidik (RA), Skim Geran Penyelidikan (RGS) serta Pembantu Siswazah (GA).
- o Mengawal selia serta memantau perjalanan aktiviti penyelidikan. Laporan dikeluarkan setiap 3 bulan untuk memaparkan status dan perkembangan penyelidikan.
- o Menjadi pencetus dan penyelaras kepada projek penyelidikan usahasama antara UniMAP dengan pihak industri atau institusi penyelidikan luar.
- o Menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan UniMAP.
- o Menjadi Jawatankuasa Penilai Permohonan Geran Penyelidikan.
- o Menjadi urusetia kepada penganjuran pameran, seminar dan persidangan khususnya berkaitan dengan bidang penyelidikan dijalankan di UniMAP.

Saya pasti setiap kali bermulanya satu tahun baru, setiap unit dan jabatan di UniMAP akan merangka aktiviti - aktiviti mengisi jadual pergerakan tahunannya. Jadi, apakah aktiviti - aktiviti dirangka oleh Unit Penyelidikan dan Pembangunan sepanjang tahun 2010 ini?

Beberapa perkara telah diambil kira sewaktu berlangsungnya Bengkel Perancangan Strategik 2010 di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi pada 3 - 5 Disember 2009 lalu.



Antara lainnya ialah:

- o Dengan menaiktaraf unit ini kepada pusat penyelidikan dan inovasi
- o Penganjuran seminar serta ceramah penyelidikan
- o Memantapkan sistem data penyelidikan sedia ada
- o Menaiktaraf pejabat sedia ada kepada 'one stop centre'
- o Penglibatan di dalam pameran-pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Apakah strategi atau pendekatan yang digunakan oleh Dr. bagi merealisasikan matlamat yang digariskan oleh Unit Penyelidikan dan Pembangunan?

Di antara strategi digariskan adalah seperti berikut:

- o Memastikan setiap staf unit R&D mempunyai hala tuju jelas mengenai matlamat telah digariskan serta mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap positif serta profesional bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan cekap, mesra dan efisien.
- o Memastikan pengetahuan dan kemahiran staf dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sentiasa ditingkatkan memandangkan

teknologi ICT amat penting untuk membantu mencapai matlamat unit R&D.

- o Meningkatkan prestasi dan kualiti staf untuk sentiasa bekerja sebagai satu pasukan dalam mencapai matlamat yang telah digariskan.
- o Kemudahan lengkap serta sesuai dengan matlamat dan program dirancang.
- o Pemantauan dan pengemaskinian data berterusan bagi memastikan matlamat dirancang dapat dicapai mengikut keperluan dan masa yang ditetapkan.

Adakah kewujudan Unit Penyelidikan dan Pembangunan ini turut membantu pusat-pusat pengajian kejuruteraan lain di UniMAP dan apakah bentuk kerjasama dilakukan?

Bidang akademik memang tidak dapat dipisahkan dengan penyelidikan, ia seperti aur dengan tebing, isi dengan kuku di mana kedua-dua bidang ini bergerak seiringan sebagai pemangkin kepada agenda universiti sekaligus menjurus kepada agenda Negara. Kewujudan Unit Penyelidikan dan Pembangunan ini juga di lihat sebagai satu Focus Point untuk membantu pusat - pusat pengajian sedia ada untuk menguruskan segala aktiviti penyelidikan mereka, bukan hanya tertumpu kepada pengurusan geran malahan kepada pengurusan aset, paten, pengkomersialan, pemasaran produk penyelidikan, pameran dan sebagainya. Selain itu, kami juga bertindak sebagai

perantara di antara para penyelidik dengan agensi - agensi terlibat di dalam penyaluran dana penyelidikan tersebut.

Apakah perkembangan terbaru Unit Penyelidikan dan Pembangunan dalam mencorakkan hala tuju industri penyelidikan Negara kita Malaysia?

Berbalik kepada misi unit ini untuk 'Memastikan Penyelidikan Di UniMAP Dijalankan Secara Optimum Dengan Menyemai Budaya Penyelidikan Dan Pengurusan Cekap, Selari Dengan Dasar Negara' saya fikir petikan itu sudah cukup jelas menggambarkan keazaman kita untuk mencorakkan hala tuju industri penyelidikan negara.

Apakah sumbangan Unit Penyelidikan dan Pembangunan dalam pembangunan di Perlis?

Selaras dengan hasrat UniMAP untuk memperkasakan penyelidikan dan inovasi berkaitan dengan agroteknologi dan juga dalam bidang kejuruteraan elektronik yang merupakan niche utama universiti. Program-program ini mempunyai potensi tinggi untuk dikomersialkan kerana ia berkait rapat dengan aktiviti ekonomi masyarakat setempat dan industri-industri pembuatan di utara Malaysia. Contohnya KUKUM Artificial Marble menggunakan batu reput yang banyak terdapat di Negeri Perlis, serta kajian-kajian menjurus kepada herba-herba terdapat di Perlis, turut dijalankan oleh penyelidik-penyelidik seterusnya dapat meningkatkan kegiatan ekonomi Negeri Perlis secara keseluruhannya. Justeru itu pembabitan Unit Penyelidikan & Pembangunan terhadap pembangunan negeri Perlis tidak perlu dipertikaikan lagi.

Setakat hari ini, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Dr. dan kakitangan Unit Penyelidikan dan Pembangunan dalam melaksanakan tugas - tugas yang diamanahkan kepada Unit Penyelidikan dan Pembangunan dalam membantu meningkatkan UniMAP setanding dengan universiti lebih lama?

"Melihat daripada perspektif lain, kemasukan pelajar - pelajar antarabangsa ini juga dapat memberi sedikit sebanyak impak terhadap pelajar - pelajar tempatan untuk lebih berdaya saing."

Buat masa kini kekangan yang dihadapi adalah dari segi kewangan. Tanpa kewangan yang kukuh, semua aktiviti akan terasa tempasnya. Namun begitu setiap peruntukan yang diperolehi akan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Pengurangan dana dari agensi - agensi kerajaan di dalam penyaluran dana penyelidikan juga dilihat sebagai salah satu aspek kekangan di mana banyak projek - projek penyelidikan yang difikirkan baik dan dapat menyumbang kepada komuniti juga terpaksa diketepikan dan ini juga salah satu penyumbang kepada kejatuhan moral para penyelidik kita. Saya mengambil contoh sewaktu berlangsungnya pameran Malaysia Technology Expo baru - baru ini, kekangan kewangan menjadi masalah utama namun begitu kita telah berjaya mengatasinya dan telah berjaya memperolehi tempat ke - 7 daripada keseluruhan IPTA yang turut serta. Dari segi penyelidikan mahupun pameran, memang tidak boleh disangkal lagi dimana kita sememangnya mendahului segelintir universiti - universiti telah bertapak lebih lama dari UniMAP. Ini dapat di lihat melalui kemenangan besar UniMAP di dalam Pameran ITEX 2009 di mana kita telah menduduki tangga ke-2 selepas Universiti Kebangsaan Malaysia dan tempat ke - 6 di dalam pungutan pingat sewaktu berlangsungnya pameran PECPITA 2009 lalu.

Saya dimaklumkan bahawa Dr. merupakan perintis kepada kemasukan para pelajar Yemen ke UniMAP. Bolehkan Dr. kongsi bersama kami di MyUniMAP?

Kemasukan pelajar asing ke UniMAP sememangnya menjadi hasrat universiti yang diterajui oleh Naib Canselor UniMAP iaitu Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Beliau menyokong penuh hasrat tersebut dan berusaha sepenuhnya terhadap peluang yang diberikan ini dengan menerima kemasukan pertama pelajar Yemen ke UniMAP pada tahun 2009. Dengan hubungan rangkaian yang kita ada dengan pihak Yemen, maka proses untuk membawa pelajar Yemen ke UniMAP menjadi lebih mudah. Untuk makluman, hubungan kerjasama ini bermula dengan lawatan oleh Dr. Abd. Rahman A. Jamil, Pengarah Eksekutif, Higher Council of Community College, Ministry of Technical Education and Vocational Training, Yemen ke UniMAP sekitar tahun 2008.

Beliau amat tertarik dengan cara UniMAP mengendalikan bidang pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan ada. Selain itu beliau melihat kekuatan UniMAP dari segi penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris, jalinan kerjasama dengan industri serta penerangan dari Dato' Naib Canselor sendiri yang sedikit sebanyak memberikan impak besar kepada pemilihan UniMAP bagi pembelajaran pelajar Yemen tersebut. Rentetan dari lawatan Dr. Abd. Rahman A. Jamil, pihak UniMAP telah membuat lawatan balas ke Yemen diketuai oleh Dato' Naib Canselor sendiri beberapa orang wakil UniMAP iaitu Prof. Dr. Zuraidah, Prof. Madya Mohabattul Zaman dan saya sendiri. Lawatan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan lagi persefahaman antara kedua-dua pihak. Hasilnya kita telah berjaya membawa seramai 36 pelajar Yemen sebagai perintis untuk mengikuti pengajian di dalam pelbagai program pengajian peringkat sarjana muda.

sekiranya terdapatnya maklumbalas agak kurang baik terhadap universiti tersebut. Melihat daripada perspektif lain, kemasukan pelajar - pelajar antarabangsa ini juga dapat memberi sedikit sebanyak impak terhadap pelajar - pelajar tempatan untuk lebih berdaya saing. Tidak kurang juga kemasukan mereka dapat menjana pendapatan universiti melalui pembayaran yuran dan sebagainya. Ini dapat diukur dengan penajaan aliran wang tunai ke dalam negara kita dan ini dapat meningkatkan ekonomi negara.

Apakah Dr. harapkan dari Unit Penyelidikan dan Pembangunan untuk jangka masa 10 tahun dari sekarang?

Menjadi hasrat setiap nakhoda untuk melihat kapal yang dikemudinya sampai ke destinasi dituju, begitu juga saya mengharapkan agar unit ini dapat berkembang bukan sahaja dari tenaga mengemudinya bahkan juga dari



Memandangkan Dr. adalah antara mereka bertanggungjawab terhadap kemasukan pelajar antarabangsa ke UniMAP, bolehkah Dr. memberi pandangan Dr. mengenai kesan kemasukan pelajar antarabangsa kepada UniMAP?

Pada pandangan saya kemasukan pelajar - pelajar luar ini memberi gambaran betapa teguh dan mantapnya sesebuah universiti itu. Sebagai contoh, seseorang ibu bapa itu tidak akan membenarkan anaknya mengikuti sesuatu kursus di sesebuah universiti di negara lain

pencapaiannya meliputi perolehan geran dan juga pertandingan penyelidikan. Saya fikir strategi serta penerapan yang dilaksanakan sekarang akan membuahkan hasil pada masa akan datang, bukan sahaja akan menaikkan nama universiti malahan persiapan bagi menjadi salah sebuah Universiti Penyelidikan disegani di Malaysia dan antarabangsa.

